

24 NOV 2003

PRESIDEN MUBARAK UTUS UCAP TAHNIAH KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus menerima perutusan tahniah daripada para pemimpin dunia atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri dengan terbaru daripada Presiden Mesir Mohamed Hosny Mubarak.

Dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Mesir di sini, hari ini, Mubarak mengucapkan kejayaan kepada Abdullah dalam melaksanakan tanggungjawab barunya itu.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Tuan Yang Terutama selamat maju jaya dalam melaksanakan tugas baru dan juga rakyat mesra anda supaya mencapai kemajuan yang lebih lagi," katanya.

Dalam peralihan kuasa yang lancar, Abdullah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri kelima pada 31 Okt lepas, menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

RV KHY DC PR